

Headline	Empat tokoh terima Anugerah Merdeka 2016		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	24 Sep 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	8	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	229 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,568
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,704



**SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH** bersama Koh Lily (kanan) dan Khamarrul Azahari Razak selepas menyampaikan Anugerah Geran Merdeka 2016 di Kuala Lumpur, semalam.

## Empat tokoh terima Anugerah Merdeka 2016

**KUALA LUMPUR 23 Sept.** - Ikon industri filem Melayu yang menainkan peranan awal membangunkan bakat insan seri termasuk Allahyarham Tai Sri P. Ramlee, Tan Sri L. Krishnan dipilih sebagai salah seorang penerima Anugerah Merdeka 2016.

Selain beliau, tiga individu lain yang turut menerima anugerah berkenaan ialah Pro-Caselor Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Tan Sri Dr. Salleh Mohd. Noor; Profesor Ulung, Prof. Datuk Dr. Looi Lai Meng dan Profesor di Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Datuk Dr. Ir. Wan Ramli Wan Daud yang dipilih atas kepakaran dalam bidang masing-masing.

Ketika mengumumkan penerima anugerah itu, Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah bertitah, pengiktirafan tersebut diberikan kepada Krishnan menerusi kategori Pendidikan dan Komuniti berikutan sumbangan cemerlang beliau meletakkan asas dalam industri filem moden tanah air.

Baginda bertitah, Salleh pula merangkul anugerah itu bagi kategori Alam Sekitar atas sumbangannya kepada pemuliharaan alam sekitar dan perhutanan di negara ini me-

lalui peranan kepemimpinannya di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS).

“Sumbangan cemerlang Dr. Lai Meng dalam penyelidikan perintis patologi buah pinggang dan kanser patologi diiktiraf selain peranan beliau dalam menggalakkan bidang patologi di Malaysia dan rantau ini.

“Wan Ramli pula diiktiraf untuk penyelidikan ilmiah yang cemerlang dan perkembangan dalam memajukan teknologi sel bahan api dan tenaga hidrogen di Malaysia dan rantau ini,” titah baginda selaku Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Anugerah Merdeka di Menara Berkembar Petronas, di sini hari ini.

Dr. Lai Meng dan Wan Ramli masing-masing menerima anugerah bagi kategori Kesihatan, Sains dan Teknologi serta kategori Pencapaian Akademik Cemerlang.

Walau bagaimanapun, tiada pemenang bagi kategori Sumbangan Terulung kepada Rakyat Malaysia.

Pada majlis itu, baginda turut menyerahkan Anugerah Geran Merdeka 2016 kepada Dr. Khamarrul Azahari Razak dan Koh Lily.